

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Sempena

MAJLIS IHTIFAL IHYA' RAMADHAN @ UniMAP

1432H/2011

pada 19 Ogos 2011, Dewan 2020, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahan Nirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,

Mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tuanku Raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Tuanku Raja Perempuan Perlis.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat menghadiri majlis Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP bersama sekalian warga UniMAP pada petang ini.

Ampun tuanku

Patik juga ingin merafak sembah, menjunjung penuh kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Pro Canselor UniMAP, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil kerana sudi bercemar duli menghadiri majlis pada petang ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli-duli Tuanku pada petang ini memberi seribu kemeriahan kepada kami warga UniMAP.

Di kesempatan ini, Patik mewakili sekalian warga UniMAP ingin merafak sembah junjungan tahniah di atas pelantikan semula DYTm Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil sebagai Pro-Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

Ampun Tuanku,

Yang Berhormat Tuan Japferi Othman, Exco Kerajaan Negeri Perlis, wakil kepada YAB Menteri Besar Perlis dan Isteri

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan
Negeri Perlis dan Datin

Yang Berhormat Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
Ahli – ahli Yang Berhormat

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff bin
Haji Hussain Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti
Malaysia Perlis dan Puan Sri,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Profesor Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Dif – dif kehormat dan barisan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan
Negeri Perlis.

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan, Ketua-Ketua
Jabatan,

Wakil-wakil Media, seterusnya hadirin yang saya kasihi
sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan KurniaNya, dapat kita melaksanakan ibadat puasa bagi hari ke – 19. Atas keizinan Nya jugalah dapat kita bersama-sama pada petang ini berkumpul dan beramah mesra di **Majlis Ihtifal Ihya' Ramadhan @ UniMAP ini**. Syukur juga saya panjatkan ke hadhrat Allah kerana memberikan kita inayah untuk terus menganjurkan majlis ini untuk kesekian kalinya.

Untuk makluman sekalian hadirin juga, petang tadi sebelum berlangsungnya majlis Ihtifal Ihya' Ramadhan ini, telah diadakan majlis pelantikan semula DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis sebagai Pro-Canselor UniMAP. Marilah kita menadah tangan ke hadhrat Allah SWT agar dengan pelantikan semula ini akan membawa lebih banyak barakah dan kejayaan buat warga UniMAP. Insya Allah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bulan Ogos dan September ini merupakan bulan yang cukup sibuk bagi kami warga UniMAP. Sebagaimana yang anda semua maklum, Pengambilan pelajar Ijazah Pertama bagi sesi 2011/2012 akan diadakan pada 4 September ini dan seminggu kemudiannya UniMAP bakal menganjurkan Istiadat Konvokesyen yang ke-6.

Insyah Allah seramai 2,000 graduan akan mendaftar di UniMAP dan sekitar jumlah yang sama juga akan bergraduasi pada Istiadat yang buat julung kalinya bakal berlangsung dalam tiga sidang iaitu pada 17 dan 18 September.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Infineon dan Silterra yang telah sudi menaja Hadiah Pelajaran untuk diberikan kepada bakal graduan UniMAP. Semoga hadiah ini akan menjadi suntikan semangat untuk Graduan UniMAP terus cemerlang di alam pekerjaan kelak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Syawal bakal menjelmakan diri, namun harus diingat sambutan syawal tahun ini adalah serentak dengan hari kemerdekaan negara iaitu pada 31 Ogos 2011.

Bersempena sambutan bulan Ramadhan serta hari kemerdekaan secara serentak pada tahun ini, sorot lah sejenak nasib saudara-saudara kita di bumi Timur Tengah atau mana-mana bumi yang pernah bergolak dengan peperangan. Setiap saat bom serta peluru menghujani bumi mereka. Bagaikan hujan turun membasahi tanah yang gersang, setiap saat yang berlalu pasti ada nyawa yang

terkorban, setiap saat juga ada isteri yang menjadi balu, dan anak-anak menjadi yatim piatu dan setiap saat itu juga lah manusia yang tidak berdosa menjadi cacat kerana kehilangan anggota badan serta pancaindera.

Oleh itu kita perlulah bersyukur dengan nikmat yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada kita selama ini. Bersamalah kita menjadikan Ramadhan ini sebagai bulan melatih diri menjadi seorang Islam yang sentiasa membantu saudara seagama dengan penuh kasih sayang dan bertanggungjawab. Apabila kita menunaikan tanggungjawab kita sebagai seorang Islam terhadap saudara sesama Islam kita yang lain, terutamanya kepada mereka yang amat memerlukan bantuan, Insyallah umat Islam akan hidup dalam suasana yang aman, harmoni dan dihormati.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya tidak ingin berbicara panjang pada petang ini. Bersempena dengan pelancaran bulan kemerdekaan peringkat UniMAP yang akan disempurnakan oleh DYMM Raja Perlis sebentar lagi, izini saya mendeklamasikan sebuah sajak hasil karya Aida Othman untuk renungan kita bersama :

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli-Duli tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat ke Majlis Ihtifal Ihya Ramadhan 1432H/2011 ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.